



Kejohanan Futsal tertutup Piala Naib Canselor

Tanggal 1 Mac 2008, satu kejohanan futsal tertutup Piala Naib Canselor telah diadakan anjuran PPK Sistem Elektrik bersama-sama dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Kejohanan Futsal ini diadakan bagi menggalakkan penglibatan semua pelajar di dalam aktiviti sukan selain mengutamakan pelajaran semata-mata. Kejohanan ini juga bertujuan memupuk semangat kesukanan dan semangat berpasukan ke dalam diri para pelajar. PPK Bioproses telah menghantar wakil seramai 7 orang peserta lelaki. Kejohanan futsal bermula seawal jam 9 pagi dan pada peringkat saringan, setiap pasukan akan bertanding secara liga. Perlawanan pertama

pasukan PPK Bioproses menentang pasukan Perka FC. Walaupun kalah 5-1, seorang pemain pasukan PPK Bioproses iaitu Amir Idhuan telah berjaya mnyumbang satu gol ke dalam gol pihak lawan. Perlawanan kedua adalah bersama PPK Komputer dan Perhubungan yang membawa kemenangan kepada pasukan PPK Bioproses dengan mata 1-0. Perlawanan diteruskan dengan permainan ketiga menentang Hangkai FC dan kali ini nasib tidak menyebelahi pasukan PPK kerana mereka kalah di tangan pasukan lawan. Walaupun tidak memenangi apa-apa tempat, pasukan futsal PPK telah menunjukkan semangat berpasukan dan kesukanan yang baik sekali. Syabas diucapkan!